

Lengkapkan ayat di bawah ini dengan **KATA BERGANDA** yang sesuai dan betul.

kering - kontang	Buah-buahan	undang-undang	lintang -pukang	kupu-kupu
cantik-cantik	pura-pura	tolong-menolong	saudara-mara	gopoh-gapah
layang-layang	tegur-menegur	bahak-bahak	bantu-membantu	gerak-geri

1. Kita haruslah _____ antara satu sama lain.
2. Mereka sedang mencari _____ di belakang rumah.
3. Cuaca panas yang melanda di negara kita menyebabkan sebahagian besar kawasan hutan menjadi _____.
4. Ali dan kawan-kawannya pergi bermain _____ di kawasan lapang sekolah.
5. Ramai _____ ketua kampung yang hadir di majlis perkahwinan
6. Dia _____ baik untuk menutupi kesalahannya.
7. Polis sedang memerhatikan _____ orang yang membawa bungkusan itu.
8. _____ yang dijual di tamu itu semuanya segar belaka.
9. Setiap agama menggalakkan pengikutnya supaya hidup _____
10. Abang ketawa ter _____ apabila menonton Maharaja Lawak Mega.

11. Pencuri itu lari _____ apabila dikejar anjing.
12. Dia ter_____ kerana terlambat bangun.
13. Para pemandu dikehendaki mematuhi _____ jalan raya.
14. Sikap _____ adalah amalan mulia.
15. Anak perempuan Mak Cik Limah semuanya _____.